

# Pembangunan di Pulau Tioman dijamin tidak mengganggu alam sekitar .

UM 22 JAN 2002

PULAU TIOMAN — Kerajaan negeri memberi jaminan pembangunan Pulau Tioman yang bakal dijalankan selepas diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai, tidak akan memberi kesan dari segi alam sekitar dan sosial penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Pahang, Maznah Mazlan berkata, ini kerana kerajaan negeri melalui Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) telah menyiapkan satu pelan struktur bagi mengklasifikasi kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan.

Katanya, di bawah pelan berkenaan TDA menetapkan sebanyak hanya sembilan peratus kawasan boleh dibangunkan, 11 peratus boleh dibangunkan secara terhad dan 80 peratus lagi kawasan perlu dikekalkan.

"Oleh itu dengan adanya pelan ini sebarang pembangunan perlu dilaksanakan berpandukan kepada peraturan yang dite-

kan dan ini secara langsung dapat mengelakkan kesan buruk kepada pulau ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad minggu lalu mengumumkan kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan Tioman sebagai pulau ketiga selepas Langkawi dan Labuan sebagai pulau bebas cukai.

## Kecerunan

Beliau berkata, kawasan pembangunan di pulau berkenaan hanya seluas 1,202 hektar kawasan pembangunan terhad seluas 1,470 hektar manakala kawasan yang perlu dikekalkan seluas 13,360 hektar.

Katanya, kawasan-kawasan boleh dibangunkan adalah bagi kawasan yang mempunyai kecerunan kurang daripada 10 peratus dan sehingga kini hanya kira-kira 40 peratus sudah dibangunkan.

Selain pelan itu, Maznah berkata, TDA dan Jabatan Pembangunan Ban-

dar dan Desa juga telah menyiapkan pelan tempatan yang lebih terperinci bagi merancang pembangunan Tioman bagi dilaksanakan dalam tempoh setahun.

"Pelan ini juga memasukkan keperluan-keperluan terkini mengambil kira perkembangan terbaru ini," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan pelan yang disediakan itu, juga dinyatakan daya tampung maksimum pulau Tioman pada 2007 ialah sebanyak 40,000 orang yang terdiri daripada penduduk dan pelancong sehari.

"Daya tampung ini diambil kira daripada pertumbuhan tempat-tempat kediaman dan pengangkutan yang dijangka berlaku pada waktu berkenaan akibat daripada kemajuan yang dijalankan," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini daya tampung maksimum pulau berkenaan ialah sebanyak 3,500 orang sehari.